

## 11 kesalahan bawah pemansuhan hukuman mati mandatori

TUAN BUQHAIKHAH TUAN MUHAMAD ADNAN | | 15 Jun 2022

PUTRAJAYA - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang), Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar menyenaraikan 11 kesalahan yang terlibat di bawah pemansuhan hukuman mati mandatori.

Ia adalah kesalahan terhadap tubuh Yang di-Pertuan Agong, Raja atau Yang di-Pertua Negeri, melakukan perbuatan penganas serta mengarahkan dan menyediakan harta untuk penganas yang mengakibatkan kematian.

Pemansuhan itu turut melibatkan kesalahan berkhidmat untuk penganas dan menerima suapan bagi memudahkan penganas yang mengakibatkan kematian.

Selain itu, kesalahan menerima suapan memudahkan aktiviti jenayah terancang yang mengakibatkan kematian, kesalahan membunuh di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan, mengambil tebusan, melepaskan tembakan daripada senjata api di bawah Seksyen 3 Akta Senjata Api (Perihal Lebih Berat) 1971 dan rakan sejenayah seksyen sama turut disenaraikan di bawah pemansuhan tersebut.

Jumaat lalu, kerajaan bersetuju memansuhkan hukuman mati mandatori dengan hukuman gantian tertakluk budi bicara mahkamah.

Keputusan itu dicapai susulan pembentangan Laporan Kajian Hukuman Gantian Terhadap Hukuman Mati Mandatori dalam Mesyuarat Jemah Menteri pada Rabu.